

21 JUL 1996

Dana

TABUNG AS\$10 JUTA BAGI MULAKAN PERNIAGAAN DI KYRGYZ

Oleh: Abdul Rahman Nordin

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Tiga syarikat Malaysia telah mewujudkan sebuah tabung AS\$10 juta (RM25 juta) bagi membiayai projek-projek kecil di Republik Kyrgyz dan mempertingkatkan peranan sektor swasta Malaysia di sana, kata Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

Beliau tidak menamakan syarikat-syarikat terbabit atau projek yang akan dilaksanakan tetapi berkata bilangan syarikat yang menyumbang kepada tabung itu mungkin bertambah sekali ganda pada masa hadapan.

Tajudin, yang mengetuai delegasi ahli-ahli perniagaan seramai 81 orang yang mengiringi Perdana Menteri dalam kunjungan rasminya Republik Kyrgyz dan Kazakhstan awal minggu ini, berkata hasil yang diperolehi daripada kunjungan itu sedang dinilai.

Delegasi itu pulang ke tanah air malam tadi bersama-sama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan rasminya dengan sebuah pesawat sewa khas MAS.

Perdana Menteri telah mencadangkan supaya sektor swasta Malaysia menggunakan Republik Kyrgyz sebagai pangkalan bagi menembusi pasaran Asia Tengah dan memindahkan industri mereka atau menerokai kegiatan-kegiatan hiliran di Kazakhstan yang kaya dengan sumber asli sebagai sebahagian daripada strategi globalisasinya.

Tajudin berkata pihak swasta akan menyahut seruan Dr Mahathir itu dan akan memajukan industri pelancongan Kyrgyz secara besar-besaran dengan menggunakan pendekatan yang telah berjaya menjadikan Langkawi sebagai sebuah pusat tarikan pelancong terkemuka.

"Kami akan melakukannya secara berkumpulan dan tidak secara individu. Kami akan menjalankan satu kajian bagi menentukan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh setiap syarikat. Setiap syarikat akan menumpukan perhatian kepada projek yang telah ditetapkan kepada mereka," kata beliau.

Dr Mahathir yang menyifatkan pemandangan di Kyrgyz sebagai lebih indah daripada Switzerland, meluangkan masa sehari suntuk mengunjungi tasik-tasik, dataran rumput, kawasan pergunungan dan mata air panas yang disifatkannya sebagai masih belum dieksploitasi sebagai pusat tarikan pelancong.

Tajudin berkata kunci bagi kejayaan syarikat-syarikat Malaysia dalam memajukan sektor pelancongan di Kyrgyz ialah keupayaan mereka untuk merangka strategi pemasaran yang berkesan bagi memenuhi cita rasa pelancong antarabangsa.

"Pasaran tidak seharusnya terhad kepada rakyat Malaysia saja. Jika kita hanya menumpukan perhatian untuk menarik minat pelancong Malaysia saja, maka ia tidak akan berjaya," kata beliau.

Tajudin juga berkata cadangan Kazakhstan untuk mendirikan sebuah ibu negara baru menawarkan banyak peluang kepada rakyat Malaysia seperti arkitek, kontraktor dan sektor perkhidmatan.

Beliau berkata lawatan ke Republik Kyrgyz dan Kazakhstan itu telah memberikan pendedahan kepada usahawan muda Malaysia dan memberikan gambaran kepada mereka mengenai sejauh mana negara itu bersedia untuk mengamalkan dasar ekonomi bebas dan menerima pelaburan asing.

Antara kedua-dua negara itu, beliau berkata Republik Kyrgyz lebih ketinggalan manakala Kazakhstan, sungguhpun memiliki sumber asli yang banyak dan lebih maju dalam sesetengah bidang teknologi, masih mundur daripada segi kemahiran pengurusan.

Tajudin berkata oleh kerana kehadiran syarikat-syarikat Jerman yang meluas dalam bidang ekonomi Kazakhstan sejak ia berpisah daripada Soviet Union, satu cara untuk peniaga Malaysia bertapak di sana ialah dengan mewujudkan usaha sama dengan syarikat-syarikat Jerman.

Beliau mengingatkan usahawan Malaysia yang berhasrat untuk menerokai pasaran Kyrgyz dan Kazakhstan supaya mempelajari daripada pengalaman Iran iaitu banyak projek terbengkalai kerana pihak yang memeterai perjanjian tidak menunaikan janji-janji mereka. -- BERNAMA

RN MZ MAI